



UCAPAN PERASMIAN KURSUS PEMANTAUAN PRODUKTIVITI TANAMAN SAWIT DAN GETAH DI TSK

**YG. BHG. DATO' MOHAMMAD IZAT HASAN
KETUA PENGARAH RISDA**

TEMPAT: RISTEC, PORT DICKSON

TARIKH: 1 JULAI 2008
MASA: 8.30 MALAM

- Yang Berusaha Saudara Pengacara Majlis
- Yang Berbahagia Dato' Ali Nordin bin Wahiduddin
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
- Semua Pengarah-Pengarah Operasi
- Semua Pegawai RISDA Daerah
- Semua Pengurus Ladang RISDA Plantations
- En. Ambong bin Jabar
Tenaga Pengajar bagi kursus ini

Assalamualaikum w.b.t,

1. Penghargaan

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita berkumpul pada malam ini di RISTEC bagi Majlis Perasmian Kursus Pemantauan Produktiviti Tanaman Sawit dan Getah di Projek Tanam Semula Komersial (TSK). Syabas dan tahniah kepada Pengarah Bahagian Latihan dan Pengarah Bahagian Tanam Semula kerana telah berjaya mengaturkan Kursus ini seperti yang di rancang. Kursus ini adalah hasil lawatan saya ke TSK-

3

TSK di Baling pada 10 Julai 2008 dimana saya memerhatikan pemantauan dan pengurusan TSK adalah kurang memuaskan. Oleh itu, saya berpendapat untuk memantapkan pemantauan dan pengurusan TSK, semua PRD serta Pengurus Ladang perlu diberi maklumat-maklumat penting untuk meningkatkan lagi kecekapan dan kualiti pemantauan ke atas TSK supaya Projek TSK dapat meningkatkan pengeluaran di samping mengurangkan kos serta memberi pulangan yang terbaik kepada pekebun kecil. Dengan cara ini sahaja aduan-aduan mengenai TSK dapat berkurangan.

4

2. Tujuan Kursus

Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk:

- a. Mendedahkan kepada pegawai pelaksana kaedah pemantauan produktiviti sawit dan getah agar matlamat pengeluaran yang disasarkan dapat di capai.
- b. Memahirkan Pegawai Pelaksana dalam penggunaan kaedah Titik Pulangan Modal (Break- Even Point) sebagai management tools (Alat Pengurusan) secara berkesan bagi meningkatkan kecekapan pengurusan dan pengeluaran projek.

- c. Membincangkan kaedah penambahbaikan pengurusan TSK bagi meningkatkan kecekapan pengurusan dan pengeluaran projek.
- d. Memberi kefahaman kepada semua peringkat pegawai yang terlibat dengan pengurusan dan pemantauan TSK untuk penyelarasan tindakan ke arah meningkatkan kecekapan pengurusan dan meningkatkan pengeluaran.

3. Isu-isu yang dibangkitkan semasa Laporan Ejen Pelawat di TSK Daerah Baling/ Penemuan Agen Pelawat

Saya mengambil kesempatan pada hari ini untuk menyentuh beberapa isu yang telah dibangkitkan semasa lawatan TSK di Baling tempoh hari serta penemuan-penemuan Agen Pelawat kita En. Ambong, untuk kita kongsi bersama-sama dan seterusnya mengambil tindakan sewajarnya.

- Rujuk Lampiran-

7

4. Harapan Kursus

Saya harap melalui Sessi Perbincangan Kumpulan serta Kajian kes bagi penentuan Break-even Point esok, Tuan-Tuan dan Puan-Puan dapat berbincang dan mengeluarkan idea-idea yang bernas dan praktikal untuk memperbaiki perancangan dan pelaksanaan TSK di lapangan. Saya harap semua isu-isu berkaitan seperti sumber manusia, latihan, pengkhususan tugas, beban tugas, kos pengeluaran serta kaedah pemantauan dan pengurusan disentuh secara menyeluruh supaya kita dapat re-engineer TSK ke satu tahap yang boleh kita banggakan. Saya percaya dan menaruh penuh keyakinan semua idea yang bakal

8

dikemukakan semasa Kursus ini boleh dilaksanakan di peringkat lapangan demi untuk meningkatkan keberkesanan peranan RISDA sebagai peneraju kemajuan pekebun kecil dan industri getah negara

5. Penutup

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Pn. Hjh. Wan Esah dan Tn Hj. Mohamat Muda dan juga En. Ambong yang telah mengaturkan Kursus ini dan saya harap hasil sumbangan idea Tuan-tuan dan Puan-puan serta keputusannya

9

dapat kita gunakan untuk membangunkan TSK kita dengan lebih efisien dan efektif lagi.

Dengan kata-kata itu serta dengan lafaz 'Bismillahirrahmanirrahim', saya merasmikan **Kursus Pemantauan Produktiviti Tanaman Sawit dan Getah di TSK.**

Sekian. **Wabillahi Taufik Walhidayah , Wassalammualaikum w.b.t**